



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 1 Ogos 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Beras tempatan tidak laku di pasar raya, Jualan Rahmah

SHAH ALAM - Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dr Fuziah Salleh memaklumkan keadaan lambakan beras putih tempatan kini didapati tidak mendapat permintaan daripada pengguna.

Ujar Fuziah, situasi tersebut didapati mengalami penurunan di kebanyakan kawasan termasuk premis pasar raya dan program Jualan Rahmah Madani.

"Sebelum ini rakyat bising berkenaan tidak ada beras tempatan seolah-olah kerajaan gagal menyediakannya. Namun apabila beras tempatan penuh di pasar raya, ia tidak laku. (Di program) Jualan Rahmah pun tidak laku.

"Jadi naratif yang dibangkitkan **Ahli Parlimen Pulaui (Suhaizan Kayat)** mungkin ada kebenarannya atau mungkin dibuat.

"Dari pengamatan kami, (beras tidak laku) ini yang berlaku," katanya dalam sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan Lisan pada Khamis.

Fuziah berkata demikian bagi menjawab pertanyaan tambahan Suhaizan mengenai kenaikan harga akibat pe-luasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan tarif elektrik membebankan rakyat sedangkan situasi kini didakwa berlaku sebaliknya.

Suhaizan dalam sesi pertanyaan membangkitkan bahawa meskipun kenaikan harga memberi tekanan kepada rakyat namun, premis pasar raya dan restoran masih dilihat penuh dengan pengunjung manakala, jalan raya juga sesak dengan kenderaan di lebuh raya.

Menurut Fuziah, ekonomi rakyat disifatkan sebagai perkara subjektif memandangkan setiap individu mempunyai beban kos sara hidup berbeza.



PAYUNG Rahmah akan dipergiat melalui program utama seperti Jualan Rahmah, Menu dan Kafe Rahmah serta Bakul Rahmah yang membolehkan akses kepada makanan dengan harga berpatutan.

STR. SARA DAN PAYUNG RAHMAH DITERUSKAN

RMK13 perkukuh bantuan kewangan



Kuala Lumpur

Kerajaan akan menggunakan strategi serampang dua mata bagi membantu rakyat menangani tekanan kenaikan kos sara hidup yang kian membebaskan menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bukan sahaja mengekang kenaikan harga barang atau perkhidmatan, tetapi juga memastikan pendapatan yang wajar kepada semua.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, melalui Prakarsa Kenam RMK13, inisiatif seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan diteruskan bagi menangani kos sara hidup

rakyat.

"Payung Rahmah juga akan dipergiat melalui program-program utama seperti Jualan Rahmah, Menu dan Kafe Rahmah, serta Bakul Rahmah yang membolehkan akses kepada makanan dengan harga berpatutan.

"Pada masa sama, kerajaan akan meningkatkan pemantauan dan kawalan harga makanan bagi memastikan ketelusan harga di sepanjang rantaian bekalan," katanya pada pembentangan RMK13, Aspirasi Ekonomi Madani di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 17 bentuk bantuan turut diperkenalkan kepada pelajar seawal peringkat prasekolah hingga menengah agar mereka tidak kecewa.

"Ini termasuklah Bantuan Makanan Asrama, Ran-

cangan Makanan Tambahan, Bantuan Awal Persekolahan dan Biasiswa Persekolahan," katanya.

Anwar berkata, bantuan untuk meringankan sara hidup rakyat tidak terhenti setakat pemberian bantuan tunai dan makanan.

"Kerajaan turut berusaha mengurangkan beban bil utiliti kediaman bil utiliti melalui kaedah

Time-of-Use (ToU) yang ditawarkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Selain itu, Pakej Rahmah untuk perkhidmatan Internet serta insurans dan takaful yang lebih mampu dibayar juga diteruskan.

"Kerajaan juga terus memastikan kos pengangkutan awam yang berpatutan. Pas peralihan bulanan dan pas perjalanan khas kepada pelajar, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) serta prog-

ram subsidi tiket penerbangan udara kepada pelajar akan diteruskan," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, sebanyak 180,000 unit rumah telah siap setakat tahun ini dan 235,000 lagi sedang dibina oleh kerajaan.

Namun, isu ketidaksepadanan antara permintaan dan penawaran serta harga rumah yang tidak selari dengan tahap pendapatan rakyat terus menjadi masalah.

Justeru, beliau mengemukakan bahawa sebanyak sejuta unit rumah mampu milik akan dibina oleh kerajaan persekutuan, negeri, serta pemaju swasta dalam tempoh 2026 hingga 2035.

"Ini bagi membolehkan seramai mungkin rakyat mendiami rumah yang selesa dan selamat melalui pelbagai inisiatif seperti Program Residensi MADANI, Program Perumahan Penjawat Awam dan Rumah Bakat MADANI," katanya.

"Kerajaan akan meningkatkan pemantauan dan kawalan harga makanan"
Anwar



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuat kuasa hari ini



Kerajaan belanjakan RM2.5 bilion bagi menampung subsidi telur ayam antara Februari 2022 hingga Disember 2024.

Industri setuju perkenal Telur Gred Khas harga lebih berpatutan

Oleh A'qilah Riduan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan mengumumkan langkah penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuat kuasa hari ini sebagai sebahagian daripada pendekatan penyasaran subsidi secara berfasa yang lebih lestari dan berimpak tinggi.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan memaklumkan pihak industri bersetuju untuk memperkenalkan Telur Gred Khas yang akan ditawarkan pada harga lebih berpatutan.

Ini sebagai inisiatif segera un-

tuk memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam.

"Rakyat juga boleh mendapatkan telur ayam dengan harga kompetitif melalui program Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah yang dilaksanakan secara meluas di seluruh negara, termasuk di premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)," menurut kenyataan itu di sini, semalam.

KPKM memaklumkan keputusan itu juga dibuat selepas mengambil kira keyakinan terhadap keupayaan pihak industri dalam memastikan pengeluaran telur ayam yang stabil dan mencukupi.

"Antara Februari 2022 hingga Disember 2024, kerajaan membelanjakan RM2.5 bilion bagi menampung subsidi telur ayam.

"Ini satu jumlah besar dan bersifat sementara bagi membantu

rakyat serta industri semasa krisis pandemik dan gangguan rantaian bekalan global," menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, kini dengan keadaan pasaran yang semakin stabil subsidi ini disusun semula agar lebih menyeluruh dan berfokus.

KPKM memaklumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga akan terus memperkukuh penguatkuasaan melalui peman-taan rapi mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011), bagi membantaras sebarang bentuk pencatutan atau manipulasi harga oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Sebarang pertanyaan atau maklumat berkenaan isu bekalan atau harga telur ayam boleh disalurkan ke e-mel rasmi KPKM di pro@kpkm.govmy atau menerusi hotline KPKM di talian 03-8000 8000.

Subsidi telur ayam distruktur semula bermula hari ini

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan melaksana langkah penstrukturan semula subsidi telur ayam bermula hari ini sebagai sebahagian daripada pendekatan penyasaran subsidi secara berfasa secara lebih lestari dan berimpak tinggi.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam kenyataan berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan mengoptimumkan perbelanjaan subsidi di mana penjimatan dijana akan disalurkan

kan semula kepada program kesejahteraan rakyat.

"Sebagai inisiatif segera untuk memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam, pihak industri telah bersejua untuk memperkenalkan Telur Gred Khas yang ditawarkan pada harga lebih berpatutan.

"Rakyat juga boleh mendapatkan telur ayam dengan harga kompetitif melalui program Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah.

"Program jualan itu dilaksanakan secara meluas di seluruh negara termasuk di premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)," katanya semalam.

Jelas kenyataan itu, kerajaan juga sentiasa komited memastikan rakyat memperoleh akses ke-

pada bekalan makanan asas yang mencukupi dan berkualiti.

"Keputusan itu juga dibuat setelah mengambil kira keyakinan kepercayaan pihak industri dalam memastikan pengeluaran telur ayam

yang stabil dan mencukupi.

"Kerajaan telah membelanjakan hampir RM2.5 bilion bagi menampung subsidi ayam antara Februari 2022 hingga Disember 2024," katanya.

**RUMAH TERES
2 TINGKAT (Fasa 11B)**

Austin Duta

PENSTRUKTURAN SEMULA SUBSIDI TELUR AYAM BERMULA HARI INI

Telur Gred Khas harga patut

Putrajaya

Penstruktur semula subsidi telur ayam yang berkuat kuasa hari ini sebahagian daripada pendekatan penyusunan subsidi kerajaan secara berfasa yang lebih lestari dan berimpak tinggi.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan memaklumkan pihak industri bersetuju memperkenalkan Telur Gred Khas yang akan ditawarkan pada harga lebih berpatutan.

Ia sebagai inisiatif segera untuk memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam.

"Rakyat juga boleh mendapatkan telur ayam de-



KERAJAAN akan memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam.

RM2.5b

Perbelanjaan ditanggung kerajaan bagi subsidi telur ayam.

ngan harga kompetitif melalui program Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah yang dilaksanakan secara meluas di seluruh negara, termasuk di premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)," menurut kenyataan itu di sini, semalam.

KPKM memaklumkan keputusan itu juga dibuat selepas mengambil kira keyakinan terhadap keupayaan

pihak industri dalam memastikan pengeluaran telur ayam stabil dan mencukupi.

"Untuk makluman, antara Februari 2022 hingga Disember 2024, kerajaan membelanjakan hampir RM2.5 bilion bagi menampung subsidi telur ayam.

"Ia satu jumlah yang besar dan bersifat sementara bagi membantu rakyat serta industri semasa krisis pandemik dan gangguan rantaian bekalan global," menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, kini dengan keadaan pasaran yang semakin stabil subsidi ini disusun semula agar lebih menyeluruh dan berfokus.

KPKM memaklumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara

Hidup (KPDN) juga akan terus memperkukuh penguatkuasaan melalui pemantauan rapi mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) bagi membanteras sebarang bentuk pencatutan atau manipulasi harga oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Langkah ini penting bagi memastikan harga yang dikenakan kepada pengguna kekal berpatutan dan adil," menurut kenyataan itu.

Sebarang pertanyaan atau maklumat berkenaan isu bekalan atau harga telur ayam boleh disalurkan ke e-mel rasmi KPKM di pro@kpkm.gov.my atau menerusi hotline KPKM di talian 03-8000 8000.

Egg subsidy revamp takes effect today

PUTRAJAYA: The government has announced the restructuring of chicken egg subsidies effective today as part of a phased and targeted approach to ensure greater sustainability and impact.

In a statement yesterday, the Agriculture and Food Security Ministry said the move aims to safeguard supply and maintain price stability for chicken eggs.

As part of the initiative, the industry has agreed to introduce special grade eggs, which will be offered at more affordable prices.

The ministry said consumers will still be able to purchase chicken eggs at competitive rates through the Agro Madani Sale and Rahmah Sale programmes, which are being actively implemented nationwide at locations managed by the Federal Agricultural Marketing Authority and the Farmers' Organisations Authority.

The ministry revealed that the

government had spent about RM2.5 billion on chicken egg subsidies between February 2022 and December 2024.

"This is a significant amount, provided temporarily to support both the public and the industry during the Covid-19 pandemic and the global supply chain crisis," the ministry said.

With market conditions now stabilising, the subsidy scheme has been restructured to make it more targeted and comprehensive.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will continue to step up enforcement under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011, ensuring prices remain fair and protecting consumers from profiteering or price manipulation.

"The step is crucial to ensure that prices charged to consumers remain reasonable and fair," the statement read. — Bernama



The ministry said with market conditions now stabilising, the subsidy scheme has been restructured to make it more targeted and comprehensive.
— ADIB RAWI
YAHYA/THE SUN



Egg subsidy revamp takes effect today

PUTRAJAYA: The government has announced the restructuring of chicken egg subsidies effective today as part of a phased and targeted approach to ensure greater sustainability and impact.

In a statement yesterday, the Agriculture and Food Security Ministry said the move aims to safeguard supply and maintain price stability for chicken eggs.

As part of the initiative, the industry has agreed to introduce special grade eggs, which will be offered at more affordable prices.

The ministry said consumers will still be able to purchase chicken eggs at competitive rates through the Agro Madani Sale and Rahmah Sale programmes, which are being actively implemented nationwide at locations managed by the Federal Agricultural Marketing Authority and the Farmers' Organisations Authority.

The ministry revealed that the

government had spent about RM2.5 billion on chicken egg subsidies between February 2022 and December 2024.

"This is a significant amount, provided temporarily to support both the public and the industry during the Covid-19 pandemic and the global supply chain crisis," the ministry said.

With market conditions now stabilising, the subsidy scheme has been restructured to make it more targeted and comprehensive.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will continue to step up enforcement under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, ensuring prices remain fair and protecting consumers from profiteering or price manipulation.

"The step is crucial to ensure that prices charged to consumers remain reasonable and fair," the statement read. – Bernama



The ministry said with market conditions now stabilising, the subsidy scheme has been restructured to make it more targeted and comprehensive.
– ADIB RAWI
YAHYA/THESUN

Restructuring of chicken egg subsidy takes effect today

PUTRAJAYA: The government Thursday announced the restructuring of chicken egg subsidies, to take effect today (August 1), as part of a phased and targeted subsidy approach aimed at greater sustainability and higher impact.

The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), in a statement on Thursday, said the move is in line with efforts to ensure supply security and price stability for chicken eggs.

As part of this initiative, it said, the industry has agreed to

introduce Special Grade Eggs which will be offered at more affordable prices.

It said the public can continue to purchase chicken eggs at competitive prices through the Agro MADANI Sale and Rahmah Sale programmes, which are being widely implemented nationwide at sales locations managed by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) and the Farmers' Organisations Authority (LPP).

According to KPKM, the government spent nearly RM2.5

billion to subsidise chicken egg prices between February 2022 and December 2024.

"It is a huge amount and temporary in nature to assist both the public and the industry during the Covid-19 pandemic and the global supply chain crisis," said KPKM.

Any inquiry or information regarding the issue of supply or prices of chicken eggs can be channelled to KPDN's official email at pro@kpkm.gov.my or via its hotline at 03-8000 8000. — Bernama

Penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuat kuasa hari ini

PUTRAJAYA: Kerajaan mengumumkan langkah penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuat kuasa hari ini (1 Ogos) sebagai sebahagian daripada pendekatan penyasaran subsidi secara berfasa yang lebih lestari dan berimpak tinggi.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan memaklumkan pihak industri telah bersetuju untuk memperkenalkan Telur Gred Khas yang akan ditawarkan pada harga lebih berpatutan.

Ia sebagai inisiatif segera untuk memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam.

"Rakyat juga boleh mendapatkan telur ayam dengan harga kompetitif melalui program Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah yang dilaksanakan secara meluas di seluruh

negara, termasuk di premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)," menurut kenyataan itu di sini semalam.

KPKM memaklumkan keputusan itu juga dibuat setelah mengambil kira keyakinan terhadap keupayaan pihak industri dalam memastikan pengeluaran telur ayam yang stabil dan mencukupi.

"Untuk makluman, antara Februari 2022 hingga Disember 2024, kerajaan telah membelanjakan hampir RM2.5 bilion bagi menampung subsidi telur ayam.

"Ia satu jumlah yang besar dan bersifat sementara bagi membantu rakyat serta industri semasa krisis pandemik dan gangguan rantaian bekalan global," menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, kini dengan keadaan pasaran

yang semakin stabil subsidi ini disusun semula agar lebih menyeluruh dan berfokus.

KPKM memaklumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga akan terus memperkukuh penguatkuasaan melalui pemantauan rapi mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AK-HAP 2011) bagi membanteras sebarang bentuk pencatutan atau manipulasi harga oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Langkah ini penting bagi memastikan harga yang dikenakan kepada pengguna kekal berpatutan dan adil," menurut kenyataan itu.

Sebarang pertanyaan atau maklumat berkenaan isu bekalan atau harga telur ayam boleh disalurkan ke e-mel rasmi KPKM di pro@kpkm.gov.my atau menerusi hotline KPKM di talian 03-8000 8000. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 1 OGOS 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
1-Aug	Beras tempatan tidak laku di pasar raya, Jualan Rahmah - Fuziah	https:// www.sinarharian.com.my/ article/741207/berita/nasional/ beras-tempatan-tidak-laku-di- pasar-raya-jualan-rahmah--- fuziah	SINAR HARIAN
1-Aug	"Dulu bising beras tempatan tiada, kini ada pun tak beli – Fuziah	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/07/dulu- bising-beras-tempatan-tiada -kini-ada-pun-tak-beli-	UTUSAN
1-Aug	Beras tempatan tak laku termasuk di Jualan Rahmah – menteri	https://barangmurah.my/ berita/beras-tempatan-tak- laku-termasuk-di-jualan- rahmah-menteri/	BARANGMURAH
1-Aug	Penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuat kuasa esok	https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/07/1246818/ penstrukturan-semula- subsidi-telur-ayam-berkuat-	HARIAN METRO
1-Aug	Penstrukturan semula subsidi telur berkuatkuasa 1 Ogos ini – KPKM	https://www.buletintv3.my/ nasional/penstrukturan- semula-subsidi-telur- berkuatkuasa-1-ogosi- kpkmi	TV3
1-Aug	Subsidi ditamatkan: Kerajaan jamin harga telur kekal terkawal	https:// www.sinarharian.com.my/ article/741166/berita/ nasional/subsidi-ditamatkan- kerajaan-jamin-harga-telur-	SINAR HARIAN
1-Aug	Telur gred khas diperkenalkan dengan harga lebih berpatutan - KPKM	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/07/1426844/ telur-gred-khas-diperkenal- dengan-harga-lebih-	BERITA HARIAN
1-Aug	Govt restructures egg subsidies from Aug 1, introduces 'special grade eggs' and other alternatives at lower prices	https:// theedgemalaysia.com/ node/764709	THE EDGE

1-Aug	Telur Gred Khas diperkenal dengan harga berpatutan buat rakyat – KPKM	https://www.buletintv3.my/nasional/telur-gred-khas-diperkenal-dengan-harga-berpatutan-buat-rakyat-kpkm/	TV3
1-Aug	Telur gred khas diperkenalkan dengan harga lebih berpatutan	https://mgperak.com/telur-gred-khas-diperkenalkan-dengan-harga-lebih-berpatutan/	MGPERAK
1-Aug	PENSTRUKTURAN SEMULA SUBSIDI TELUR AYAM BERKUAT KUASA ESOK	https://suarasarawak.my/penstruktur-semula-subsidi-telur-ayam-berkuat-kuasa-esok/	SUARA SARAWAK
1-Aug	Subsidi telur ayam distruktur semula mula esok, salur semula kepada rakyat	https://suara.tv/31/07/2025/subsidi-telur-ayam-distruktur-semula-mula-esok-salur-semula-kepada-rakyat/	SUARA TV
1-Aug	PENSTRUKTURAN SEMULA SUBSIDI TELUR AYAM BERKUAT KUASA ESOK	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2451353	BERNAMA
1-Aug	Penstruktur semula subsidi telur ayam berkuat kuasa esok	https://mediaselangor.com/ms/2025/07/312563/penstruktur-semula-subsidi-telur-ayam-berkuat-kuasa-esok	MEDIA SELANGOR
1-Aug	Penstruktur semula subsidi telur ayam berkuat kuasa esok	https://utusan-sarawak.com.my/penstruktur-semula-subsidi-telur-ayam-berkuat-kuasa-esok	UTUSAN SARAWAK
1-Aug	Harga berpatutan, telur gred khas dijual mulai esok	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/31/harga-berpatutan-telur-gred-khas	FREE MALAYSIA TODAY
1-Aug	Telur ayam gred khas dengan harga berpatutan masuki pasaran mulai 1 Ogos	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/telur-ayam-gred-khas/#google_vignette	MALAYSIA TRIBUNE
1-Aug	Govt ends blanket egg subsidy, introduces targeted support from August 1	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/31/govt-ends-blanket-egg-subsidy-introduces-targeted-support-from-august-1/185905	MALAYMAIL

1-Aug	Persatuan umrah gesa pihak berkuasa selaras harga lantai untuk lindungi jemaah	https:// www.freemalaysiatoday.co m/category/bahasa/ tempatan/2025/07/31/ persatuan-umrah-gesa- pihak-berkuasa-selaras- harga-lantai-untuk-lindungi- jemaah	FREE MALAYSIA TODAY
1-Aug	Tak bincang naik harga gula selagi kerajaan bantu MSM, kata Shabery	https:// www.freemalaysiatoday.co m/category/bahasa/ tempatan/2025/07/31/tak- bincang-naik-harga-gula- selagi-kerajaan-bantu-msm- kata-shabery	FREE MALAYSIA TODAY
1-Aug	Telur gred khas diperkenalkan dengan harga lebih berpatutan	https:// malaysiaga- zette.com/2025/07/31/telur- gred-khas-diperkenalkan- dengan-harga-lebih- berpatutan/	MALAYSIA GAZETTE
1-Aug	Telur Gred Khas dengan harga berpatutan diperkenal – KPKM	https:// www.edisi9.com.my/2025/0 7/telur-gred-khas-dengan- harga-berpatutan- diperkenal-kpkm/	EDISI 9
1-Aug	Restructuring of chicken egg subsidy takes effect tomorrow, industry to offer Special Grade Eggs	https:// www.theborneopost.com/20 25/07/31/restructuring-of- chicken-egg-subsidy-takes- effect-tomorrow-industry-to- offer-special-grade-eggs/	THE BORNEO POST
1-Aug	Op Hazard rampas 11,606.09 metrik tan e-waste bernilai RM66.6 juta - JAS	https:// www.sinarharian.com.my/ article/741247/berita/ semasa/op-hazard-rampas- 1160609-metrik-tan-e- waste-bernilai-rm666-juta---	SINAR HARIAN

1-Aug	Op Hazard: Lebih 11.6 tan sisa e-waste bernilai RM66.6 juta dirampas	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1427089/op-hazard-lebih-116-tan-sisa-e-waste-bernilai-rm666-juta-	BERITA HARIAN
1-Aug	Lebih 11.6 tan sisa e-waste bernilai RM66.6 juta dirampas	https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-11-6-tan-sisa-e-waste-bernilai-rm66-6-juta-dirampas/	TV3
1-Aug	Menteri Dakwa Beras Tempatan Tak Laku Di Pasaran	https://www.malay.news/menteri-dakwa-beras-tempatan-tak-laku-di-pasaran/	MALAYNEWS